

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

SOALAN

Minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tunggakan penyewa unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengikut kawasan perumahan, jantina dan usia penyewa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, tunggakan sewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi penyewa individu yang masih menyewa seperti pada 31 Ogos 2019 adalah berjumlah RM26,978,409.94 yang melibatkan 25,388 akaun. Terdapat 5 kawasan perumahan yang mempunyai tunggakan tertinggi adalah seperti berikut:-

- 1) PPR Bukit Jalil dengan jumlah tunggakan sebanyak RM1,952,036.00 yang melibatkan 1,583 akaun;
- 2) PPR Kg. Muhibbah dengan jumlah tunggakan sebanyak RM1,889,315.99 yang melibatkan 1,396 akaun;
- 3) PPR Intan Baiduri dengan jumlah tunggakan sebanyak RM1,695,224.85 yang melibatkan 949 akaun;
- 4) PA Desa Rejang dengan jumlah tunggakan sebanyak RM1,245,233.05 yang melibatkan 1,058 akaun; dan
- 5) PPR Desa Tun Razak dengan jumlah tunggakan sebanyak RM1,135,816.52 yang melibatkan 817 akaun.

Manakala 39% penyewa yang bertunggakan adalah berumur 60 tahun ke atas (warga emas) dengan jumlah tunggakan sebanyak RM8,612,646.40 yang melibatkan 9,796 akaun. Manakala baki 61% penyewa yang bertunggakan adalah berumur kurang 60 tahun dengan jumlah tunggakan sebanyak RM18,365,763.54 yang melibatkan 15,592 akaun.

Dan seterusnya, 62% penyewa yang bertunggakan adalah penyewa lelaki dengan jumlah tunggakan sebanyak RM17,361,563.47 yang melibatkan 15,635 akaun. Manakala baki 38% penyewa yang bertunggakan adalah penyewa perempuan dengan jumlah tunggakan sebanyak RM9,616,846.47 yang melibatkan 9,753 akaun.